

Tindakan tegas jika salah guna tazkirah: PM

BH 25 OCT 2002

Oleh Norbakti Alias dan Hassan Omar

ALOR STAR, Khamis - Kerajaan akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang menyalahgunakan tazkirah ketika solat sunat Tarawih sepanjang Ramadan ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, perbuatan itu bukan saja mengganggu jemaah, malah mencemari solat Tarawih yang sepatutnya bertujuan mendekatkan diri dengan Allah bagi memperoleh keberkatan pahala.

Dr Mahathir berkata, pegawai Jabatan Agama Islam negeri akan memantau perjalanan solat Tarawih bagi memastikan tiada pihak mengambil kesempatan menganjurkan tazkirah yang tiada kaitan dengan agama.

"Jangan bawa benda

yang tak ada kena-mengena dengan agama. Perkara politik, benci orang...tak payahlah. Orang hendak sembahyang, beribadat, jangan kacau," katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan Gerak Mesra Tazkirah anjuran Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim) dan kerajaan negeri di sini hari ini.

Program itu bertujuan menyatupadukan umat Islam melalui kaedah kunjungan ke kawasan tertentu bagi mengajak anggota masyarakat membincangkan persaudaraan dalam Islam.

Turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan Yang Dipertua Yadim, Datuk Mohd Nakhaie Ahmad.

Terdahulu, ketika melancarkan program itu, Dr Mahathir berkata, umat Islam bertanggungjawab membetulkan salah faham me-

ngenai Islam dan merapatkan hubungan sesama ummah.

Beliau berkata, tugas itu penting kerana hubungan umat Islam sekarang semakin renggang akibat terpengaruh dengan fahaman politik Pas yang menggunakan Islam untuk kepentingan parti berkenaan.

Dr Mahathir berkata, umat Islam berpecah sejak 1959 apabila pemimpin Pas mula memutarbelitkan agama untuk mempengaruhi pengundi dengan menuduh kononnya sesiapa yang mengundi Umno adalah kafir.

"Kita perlu mengambil berat perkara ini. Kita perlu saling ingat mengingatkan orang Islam yang sudah lari daripada landasan Islam supaya kembali kepada Islam. Kita perlu adakan Gerak Mesra Tazkirah ini," katanya.

Beliau berkata, tazkirah bermaksud memperingati

perkara yang baik tetapi ia disalahgunakan pihak tertentu untuk menyemai perasaan benci terhadap pihak yang lain di kalangan umat Islam.

"Ketika sembahyang Ta-

rawih, kita perlu khusyuk. Bagaimanapun, tazkirah sudah menjadi perjumpaan politik. Ibadat di-ganggu.

"Apabila fikiran kita di-ganggu dengan masalah

politik, ibadat yang sepatutnya menyembah Tuhan, tidak menjadi ibadat. Ia menjadi perbuatan yang tidak kena-mengena dengan Tarawih," katanya.

Dr Mahathir juga sedih

apabila ada pihak yang memiliki pendidikan agama yang dianggap tinggi oleh penyokongnya, sanggup mengatakan bahawa Allah juga mencarut dan samseng.